

Udang 'mabuk' setiap kali perayaan

UM 23/02/24 MIS 34

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrul.isa@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Populariti jeti Pengkalan Kempas, Linggi di sini yang terkenal sebagai lubuk udang galah dalam kalangan peminat berisiko terjejas sekiranya aktiviti menuba di kawasan Sungai Linggi terus berleluasa.

Pengerusi Persatuan Nelayan Telok Kemang, Md. Isa Johar berkata, kejadian udang galah 'mabuk' di beberapa kawasan sepanjang Sungai Linggi seperti di Pengkalan Durian, Permatang Pasir serta Pengkalan Kempas memang disyaki berpunca daripada aktiviti menuba.

Jelasnya, kejadian sedemikian berlaku setiap tahun terutama menjelang musim perayaan.

"Seperti Tahun Baharu Cina, memang permintaan terhadap udang galah adalah tinggi, harganya juga boleh mencecah se-



JETI Pengkalan Kempas di Linggi menjadi tumpuan kaki pancing yang mahu menangkap udang galah di Sungai Linggi. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN.

hingga RM100 bagi setiap kilogram. Penduduk dan nelayan di

sini sudah perhatikan, apabila perayaan sahaja berlaku fenom-

ena udang galah 'mabuk'.

"Berdasarkan keadaan udang

galah seperti mata yang merah, kami memang syak ia akibat perbuatan menuba. Kami tidak tahu siapa yang bertanggungjawab. Pelaku menuba bukan di kawasan sekitar sini, namun lebih ke hulu seperti di Rantau dan mereka mengambil hasil perbuatan mereka itu di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menggiatkan aktiviti pemantauan dan siasatan selepas terdapat peningkatan kejadian udang galah 'mabuk' di Sungai Linggi yang didakwa berpunca daripada aktiviti menuba.

Ketua Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan negeri, Doreen Wee Siew Leen berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan berkenaan dan turun padang ke tiga lokasi.